

**PERNYATAAN PENTING UNTUK
PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI PERINGATAN 2024**

**Kita perlu sedar bahawa segala-gala yang kita lalui
hanya mempunyai satu tujuan—
hayat Tuhan dapat dibebaskan menerusi kita
dan diekspresikan dalam kita;
semoga manusia luaran kita dihancurkan sehingga
manusia dalaman kita dapat dibebaskan dan diekspresikan;
hal ini sungguh mestika, dan inilah jalan
bagi orang yang melayan Tuan.**

**Tinggal dalam Tuan bererti menjadi satu roh dengan-Nya,
dan doa yang berkesan ialah hasil daripada
kita tinggal dalam Tuan dan sabda-Nya tinggal dalam kita.**

**Kenikmatan kita terhadap Kristus sebagai aliran hayat
adalah untuk kita menjadi penyemai, penanam, penyiram,
pelahir, pemberi makan, dan pembina
dengan mempunyai ministri hayat
untuk pembinaan Tuhan yang organik dan mengagumkan,
yakni rumah Tuhan yang agung.**

**Kita semua dengan muka yang tidak diselubungi,
seperti cermin menatap dan memantulkan kemuliaan Tuan,
sedang ditransform menjadi imej yang sama
daripada kemuliaan kepada kemuliaan.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Pembauran Hari Peringatan
24-27 Mei 2024**

**SUBJEK AM:
KEHIDUPAN ORANG KRISTIAN**

Mesej Satu

Makna Intrinsik Kehidupan Orang Kristian

Bacaan Bible: Yoh. 14:21, 23; 2 Kor. 2:10; 4:6-7

- I. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan yang berhidupkan Kristus; kehidupan kita haruslah Kristus, dan cara berhidupkan Kristus adalah dengan mengasihi Kristus—Flp. 1:19-21a; Gal. 2:20:**
- A. Kita dapat berhidupkan Kristus dengan mengasihi-Nya ke tahap kemuncak; jika kita tidak mengasihi Kristus, kita tidak dapat berhidupkan-Nya, dan mengasihi-Nya ialah cara yang terbaik untuk menumpukan seluruh diri kita pada-Nya—2 Kor. 5:14; 1 Yoh. 4:19; Flp. 1:19-21a; Mrk. 12:30; Wahi 2:4-5; Yoh. 14:21, 23; 21:15-17; 1 Ptr. 1:8; 1 Kor. 2:9; 16:22.
 - B. Mengasihi Tuhan bermakna meletakkan seluruh diri kita—roh, sukma, dan tubuh, bersama dengan hati, sukma, minda, dan daya (Mrk. 12:30)—secara mutlak pada-Nya, iaitu membenarkan seluruh diri kita diduduki-Nya dan hilang dalam diri-Nya, agar Dia dapat menjadi segala-gala bagi kita, dan kita bersatu dengan-Nya secara praktikal dalam kehidupan harian kita.
 - C. Apabila kita mengasihi-Nya, “Roh itu menyelidiki segala sesuatu, malah kedalaman Tuhan” (1 Kor. 2:10); perkataan Yunani bagi *menyelidiki* digunakan untuk merujuk kepada penyelidikan yang aktif, mengimplikasikan pengetahuan tepat yang diperolehi bukan dengan cara penemuan tetapi dengan cara penerokaan; Roh Tuhan menerokai kedalaman Tuhan berkenaan Kristus dan menunjukkan kepada kita dalam roh kita supaya kita dapat memahami dan berbahagian dalamnya.
 - D. Menjalani kehidupan orang Kristian bermaksud mengasihi Yesus Anak Tuhan agar kita dikasihi Bapa dan Anak serta menikmati manifestasi Anak kepada kita dan kunjungan Mereka kepada kita bagi Mereka membuat tempat saling tinggal dengan kita—Yoh. 14:21, 23.
 - E. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan yang mengasihi Tuhan dan mengasihi satu sama lain dengan Tuhan sendiri sebagai kasih kita; Kristus hidup di dunia ini dengan kehidupan Tuhan sebagai kasih, dan Dia sekarang ialah hayat kita agar kita dapat menjalani kehidupan kasih yang sama di dunia ini dan menjadi sama seperti Dia dalam perjalanan ministri-Nya yang mencari orang sesat dan menyelamatkan pendosa—1 Yoh. 4:16-19; Luk. 10:25-37; 19:10; Ef. 4:20-21; bd. Gal. 5:13-15.
- II. Menjalani kehidupan orang Kristian bererti melakukan segala sesuatu dalam persona Kristus, iaitu dalam muka Kristus—2 Kor. 2:10; 4:6-7:**
- A. Perkataan Yunani bagi *persona* secara harfiahnya ialah “muka”, seperti dalam 4:6; perkataan ini merujuk kepada bahagian di sekeliling mata, air muka yang merupakan petunjuk bagi fikiran dan perasaan dalaman, yang memmanifestasikan dan memaparkan keseluruhan orang itu.
 - B. Dutus Paulus, yang merupakan teladan kepada para percayawan (1 Tim. 1:16), ialah seorang yang hidup dan bertindak dalam hadirat Kristus, menurut petunjuk keseluruhan persona-Nya, yang diekspresikan pada mata-Nya.
 - C. Apabila hati kita berpaling kepada Tuan, selubung itu diambil pergi daripada hati kita, dan kita dapat menatap Tuan kemuliaan dengan muka yang tidak diselubungi; sebenarnya, hati kita yang berpaling daripada Tuan itu ialah selubung;

muka yang tidak diselubungi ialah hati yang tidak diselubungi untuk menatap kemuliaan Tuhan pada muka Yesus Kristus—2 Kor. 3:16, 18; 4:6-7; 1 Sam. 16:7; Ef. 1:18a.

- D. Kemuliaan Tuhan ada pada muka Kristus, dan muka-Nya, yakni persona-Nya, ialah harta yang menghuni roh kita secara dalaman—2 Kor. 4:6-7; 1 Ptr. 3:4.
- E. Kita ialah wadah tanah yang tidak bernilai dan mudah pecah, tetapi dalam roh kita, kita mengandungi harta yang tidak ternilai, iaitu muka, persona, Kristus sendiri (2 Kor. 2:10; 4:6); Dalam seluruh alam semesta, tidak ada apa-apa yang sebegitu berharga berbanding dengan menatap muka Yesus (Kej. 32:30; Kel. 25:30; 33:11, 14; Mzm. 27:4, 8; Wahi 22:4):
 - 1. Hanya apabila kita hidup dalam hadirat-Nya, memandang petunjuk pada diri-Nya, barulah kita dapat merasakan bahawa Dia harta yang sedemikian bagi kita; jika kita mempunyai masalah, kita hanya perlu memberitahu Dia; Dia berada dalam kita, dan Dia bersama dengan kita secara bersemuka — Flp. 4:6.
 - 2. Melihat Tuhan bersamaan dengan beroleh Tuhan, yakni menerima Tuhan dalam elemen-Nya ke dalam kita untuk mentransform kita (Ayub 42:5-6; Mat. 5:8); Tuhan yang kita pandang hari ini ialah Roh yang terkonsumsi, dan kita dapat memandang-Nya dalam roh kita untuk menyerap kekayaan Tuhan ke dalam kita dan berada di bawah transformasi divin hari demi hari (2 Kor. 3:18b; Mat. 14:22-23; Kol. 4:2).
- F. Ketika kita memalingkan hati kita kepada Tuan dalam roh kita untuk menatap-Nya secara bersemuka dan menyinarkan-Nya kepada orang lain (Yes. 60:1, 5), kita berada dalam proses ditransform menjadi imej-Nya yang mulia sehingga hari apabila “kita akan menjadi serupa dengan-Nya kerana kita akan melihat-Nya, bahkan sama seperti Dia itu”—2 Kor. 3:18—4:1; 1 Yoh. 3:2; Wahi 22:4.

III. Menjalani kehidupan orang Kristian bererti bergerak-hidup secara layak bagi panggilan yang telah kita terima—Ef. 4:1-4:

- A. Butir pertama bagi gerak-hidup yang layak bagi panggilan Tuhan ialah kita berusaha memelihara kesatuan Roh itu yang merupakan realiti Tubuh Kristus, dengan virtu insani yang ditransform, yang diperkuat oleh dan dengan atribut divin—ay. 1-4:
 - 1. Dalam Roh Yesus yang dimuliakan, terdapat keinsanan Yesus yang ditransform; minum dan mengalirkan satu Roh itu untuk satu Tubuh bermaksud minum dan mengalirkan Roh Manusia Yesus, minum dan mengalirkan keinsanan Yesus berserta virtu-virtu-Nya yang diperkaya secara divin, yakni kerendahan hati, kelembuthalusan, dan kesabarderinta untuk menanggung satu sama lain dalam kasih—Yoh. 7:37-39a; 1 Kor. 12:13; Kis. 16:7; Ef. 4:2-3.
 - 2. Jika kita menyeru nama Tuan dan makan-Nya, kita akan menikmati Yesus sebagai manusia, dan semua virtu keinsanan-Nya yang dipertinggi akan menjadi milik kita dalam Roh Yesus, supaya kita mengamalkan kehidupan gereja yang dipulihkan dalam Roh realiti, dan Roh realiti merupakan realiti Tubuh Kristus—1 Kor. 1:2; 10:3-4, 17; 12:3b, 13; 16:13; Ef. 4:3-4a.
- B. Butir kedua bagi gerak-hidup yang layak bagi panggilan Tuhan ialah kita bertumbuh dalam segala sesuatu ke dalam Kristus Kepala itu—ay. 15-16:
 - 1. Untuk bertumbuh dalam segala sesuatu ke dalam Kristus bagi pembinaan Tubuh-Nya, kita perlu menikmati Kristus sebagai pengganti kita yang almuhit dan universal demi menghasilkan satu manusia baru, oleh itu kita harus “dengar Dia” dan melihat “Yesus sahaja”—Mrk. 9:7-8.
 - 2. Apa-apa sahaja atau sesiapa sahaja yang bukan Kristus akan “dipecat” Tuhan; Tuhan telah menggantikan segala-gala dalam ekonomi Wasiat Lama-Nya dengan Kristus—1:1-8; Mat. 17:3-5; Kol. 2:16-17; Ibr. 10:5-10; 11:5-6; bd. Yes. 22:20-25.

3. Apabila Tuhan mencipta kita, Dia “mengupah” kita; apabila Dia meletakkan kita pada salib, menyalibkan kita bersama dengan Kristus, Dia “memecat” kita; apabila Dia membangkitkan kita bersama dengan Kristus, Dia “mengupah semula” kita dengan menjadikan kita spesies Tuhan-manusia yang baru, suatu rekaan baru Tuhan yang merupakan mahakarya korporat-Nya, membawa kita kembali kepada hasrat asal-Nya, iaitu mencipta kita demi kemuliaan-Nya, ekspresi korporat-Nya—Kej. 1:26; Gal. 2:20; Ef. 2:6, 10, 15; Yes. 43:7.
- C. Butir ketiga bagi gerak-hidup yang layak bagi panggilan Tuhan ialah kita mempelajari Kristus sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus—Ef. 4:20-24:
1. *Realiti itu ada dalam Yesus* merujuk kepada keadaan sebenar kehidupan Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil; Yesus menjalani kehidupan yang sentiasa melakukan segala-gala dalam Tuhan, bersama dengan Tuhan, dan untuk Tuhan; Tuhan berada dalam kehidupan-Nya, dan Dia adalah satu dengan Tuhan—ay. 20-21.
 2. Dalam kehidupan-Nya di bumi, Dia mendirikan teladan, seperti yang diwahikan dalam buku-buku Injil; kemudian Dia disalibkan dan dibangkitkan menjadi Roh beri-hayat supaya Dia dapat memasuki kita untuk menjadi hayat kita; kita belajar daripada Dia mengikut teladan-Nya bukan melalui hayat alamiah kita tetapi melalui Dia sebagai hayat kita dalam kebangkitan—1 Kor. 15:45b; Kol. 3:4.
 3. Apabila kita mengasihi Tuan, menghubungi-Nya, dan berdoa kepada-Nya, dengan automatiknya kita berhidupkan Dia menurut acuan, bentuk, corak, yang digambarkan dalam buku-buku Injil; dengan cara ini kita dibentuk, dikonform, kepada imej acuan ini—inilah maksudnya mempelajari Kristus—Mat. 11:29; Roma 8:29.
- D. Butir keempat bagi gerak-hidup yang layak bagi panggilan Tuhan ialah kita hidup dalam kasih dan cahaya—Eph. 5:2, 8:
1. Kita perlu menjadi pengambil bahagian, iaitu penikmat sifat divin (2 Ptr. 1:4); sifat divin ialah apanya Tuhan—Tuhan ialah Roh (Yoh. 4:24), Tuhan ialah kasih (1 Yoh. 4:8, 16), dan Tuhan ialah cahaya (1:5); Roh ialah sifat persona Tuhan, kasih ialah sifat esens Tuhan, dan cahaya ialah sifat ekspresi Tuhan.
 2. Kita semua perlu meluangkan masa peribadi yang secukupnya dengan Tuan untuk bersekutu secara persendirian dengan-Nya dalam roh kita supaya kita dapat dipenuhi esens kasih-Nya untuk Dia menggembala orang lain menerusi kita supaya kita dipenuhi elemen-Nya yang bersinar untuk orang lain melihat-Nya dalam kita—Yoh. 4:24; Luk. 15:20; Mat. 5:15-16.
- E. Butir kelima bagi gerak-hidup yang layak bagi panggilan Tuhan ialah kita hidup dengan dipenuhi dalam roh supaya melimpah dengan Kristus—Ef. 5:18:
1. Berbicara, bernyanyi, bermazmur, mengucapkan syukur kepada Tuhan, dan tunduk kepada satu sama lain dengan ketakwaan dalam Kristus bukan sahaja merupakan limpahan hasil daripada dipenuhi dalam roh tetapi juga cara untuk dipenuhi dalam roh—ay. 19-21.
 2. Dipenuhi dalam roh bermaksud dipenuhi kekayaan Kristus untuk menjadi kepenuhan Kristus, kelimpahan Kristus; dengan menyeru Tuan dan mendoa-baca Sabda-Nya, kita dapat menerima Dia secara berterusan sebagai kurnia atas kurnia untuk menjadi kepenuhan-Nya, kelimpahan-Nya—3:8; 1:23; 3:19b; Roma 10:12-13; Ef. 6:17-18; Yoh. 1:16.

IV. Menjalani kehidupan orang Kristian bererti kita menerima disiplin Roh Kudus:

- A. Tuhan ingin menyingkirkan rasa kita dan mengubah bau kita melalui kita menerima disiplin Roh Kudus, iaitu Tuhan menuang kita dari wadah ke wadah untuk menyingkirkan keladak, sanga, daripada manusia luaran kita sehingga kita mempunyai rasa murni Kristus dan mengeluarkan haruman murni Kristus—Yer. 48:11; 2 Kor. 2:14-15; Kid. 4:16; 2 Raj. 4:8-9:

1. “Bapa segala roh” mendisiplinkan kita menerusi cubaan dan disiplin “agar kita dapat berbahagian dalam kekudusan-Nya”—Ibr. 12:4-13.
 2. Orang yang tidak pernah melalui cubaan dan disiplin tidak dituang dari wadah ke wadah; oleh itu, rasa keladak, sanga, mendapan, daripada disposisi alamiah mereka, manusia luaran mereka, diri mereka, kekal pada mereka dan bau mereka tidak berubah—Yer. 48:11; Roma 8:28-29; Kid. 4:16.
- B. Maria mempunyai sebuah bekas pualam berisikan satu paun minyak narwastu murni yang amat bernilai; apabila dia memecahkan bekas itu dan mencurahkan-nya ke atas Tuan, “rumah itu penuh dengan keharuman minyak”—Yoh. 12:2-3; Mrk. 14:3; bd. Kid. 1:12.
- C. Bekas pualam itu melambangkan manusia luaran kita, yang perlu dihancurkan supaya manusia dalaman dapat keluar; Tuan bekerja dalam kita dan pada kita dalam pelbagai cara dengan tujuan memecahkan wadah tanah, bekas pualam, cangkerang luaran—2 Kor. 4:7; Yoh. 12:3, 24; Roma 8:28-29.
- D. Apanya kita dalam sifat tidak bermakna apa-apa; hanya apa-apa yang dikonstitusikan Roh itu ke dalam diri kita yang dikira; disiplin Roh Kudus menghancurkan disposisi dan kebiasaan alamiah kita lalu membawa masuk konstitusi Roh Kudus dalam kematangan dan kemanisan; Tuhan mengatur segala-gala dalam sekitaran kita untuk merobohkan apanya kita secara alamiah supaya Dia dapat membentuk disposisi baru, perwatakan baru, dan atribut baru dalam kita—Yoh. 3:6; 2 Kor. 5:17; Gal. 6:15.
- E. Terdapat dua sebab utama seseorang tidak dihancurkan:
1. Seseorang itu tidak dihancurkan kerana dia hidup dalam kegelapan; dalam segala hal yang berlaku padanya, dia menyalahkan orang atau sekitaran; dia tidak mempunyai wahi tentang tangan Tuhan dan bahawa Tuhanlah yang menanggulangnya—bd. Ayub 10:13; Ef. 3:9.
 2. Seseorang itu tidak dihancurkan kerana dia terlalu mengasihi dirinya; kita harus memohon Tuhan agar menyingkirkan hati yang mengasihi diri daripada kita; semua salah faham dan rasa tidak puas hati timbul daripada satu hal sahaja—mengasihi diri secara tersembunyi.
- F. Kita perlu sedar bahawa segala-gala yang kita lalui hanya mempunyai satu tujuan—hayat Tuhan dapat dibebaskan menerusi kita dan diekspresikan dalam kita; semoga manusia luaran kita dihancurkan sehingga manusia dalaman kita dapat dibebaskan dan diekspresikan; hal ini sungguh mestika, dan inilah jalan bagi orang yang melayan Tuan—Yoh. 12:24-26; 2 Kor. 4:12.

**Persekutuan tentang
Penghancuran Manusia Luaran
untuk Pembebasan Roh dan Ekspresi Tuhan**

Kita harus tahu mengapa Tuhan menempatkan kita di dunia. Dengan terus terang saya berkata, Dia telah menempatkan kita di dunia supaya kehadiran kita akan membangkitkan kelaparan dan kehausan terhadap keadilanbenaran dalam pendosa, percayawan, dan orang di dunia. Dalam kerja kita, kita seharusnya dapat membangkitkan kelaparan dan kehausan dalam orang lain. Dalam kita harus ada sejenis kesegaran, kudrat, pengkhasiatan, dan bekalan yang tidak terkata, yang mendorong orang lain mencari Tuhan disebabkan kehadiran kita. Apabila orang berjumpa dengan kita dan berhubungan dengan kita, mereka seharusnya berhasrat untuk mencari Tuhan disebabkan kita. Jika kita selalu berjumpa dengan orang dan berhubungan dengan mereka tetapi tidak dapat membangkitkan kedambaan dalam mereka untuk Tuhan, ini bermaksud bahawa kita telah gagal. Sekiranya pembacaan Bible, doa, pelayanan, dan pemberitaan injil kita tidak menghasilkan kelaparan dan kehausan yang kuat dalam orang, maka kita telah gagal. (*The Collected Works of Watchman Nee*, jil. 42, m.s. 238)

Dua Raja-raja 4 memberi kita catatan tentang seorang perempuan di Sunem yang menyambut Elisa. Bible mengatakan bahawa “pada suatu hari, Elisa melewati Sunem; di sana ada seorang perempuan yang kaya, yang mendesak dia makan. Maka setiap kali dia melewati tempat itu, dia akan masuk ke situ dan makan di situ. Dan dia berkata kepada suaminya, Sekarang aku mendapati bahawa orang yang selalu melewati kita ini manusia Tuhan yang kudus” (ay. 8-9). Apabila Elisa melewati Sunem, dia tidak pernah menyampaikan satu mesej atau melakukan mukjizat. Setiap kali dia melewati tempat itu, dia masuk ke situ dan makan di situ. Perempuan itu mengenali Elisa sebagai seorang manusia Tuhan hanya melalui cara makannya. Inilah tanggapan yang diberikan oleh Elisa kepada orang lain.

Hari ini kita juga perlu bertanya kepada diri kita, “Apakah tanggapan yang kita berikan kepada orang lain? Apakah yang keluar daripada kita?” Kita berulang kali mengatakan bahawa manusia luaran kita perlu dihancurkan. Jika manusia luaran tidak dihancurkan, tanggapan yang kita berikan kepada orang lain ialah manusia luaran kita. Setiap kali kita menghubungi orang lain, kita akan memberi mereka perasaan yang kurang selesa bahawa kita seorang yang mengasihi diri kita, degil, dan sombong; atau kita akan memberi mereka tanggapan bahawa kita seorang yang bijak dan sangat petah. Kita mungkin memberi orang lain tanggapan yang kononnya baik. Akan tetapi, adakah tanggapan ini dapat memuaskan Tuhan? Adakah tanggapan ini dapat memenuhi keperluan gereja? Tuhan tidak puas dengan tanggapan sebegini, dan gereja juga tidak memerlukan tanggapan sebegini.

...Jika manusia luaran kita tidak dihancurkan, roh kita tidak dapat dibebaskan, dan kita tidak dapat memberi orang tanggapan daripada roh.

...Apa yang menjadi tanggapan kepada orang lain ialah bahagian yang paling kuat dalam kita. (*Penghancuran Manusia Luaran dan Pembebasan Roh*, m.s. 100-101, 99)